

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 14 TAHUN 1975¹

PINDAAN KEPADA PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 25 TAHUN 1974²

Kerajaan telah membuat keputusan untuk meminda Pekeliling Perkhidmatan Bil. 25 Tahun 1974 bagaimana di bawah ini :

(a) Satu perenggan yang baru hendaklah dimasukkan seperti berikut :

“Perbekalan Sementara bagi Pegawai-pegawai Yang Sedang Berkhidmat Dalam Sekim-sekim Perkhidmatan Pegawai Imigeresen, Pembantu Pendaftaran dan Penolong Pegawai Paspot

6. Pegawai-pegawai dalam Sekim-sekim Perkhidmatan Pegawai Imigeresen, Pembantu Pendaftaran dan Penolong Pegawai Paspot yang sedang berkhidmat pada atau sebelum 1hb Oktober, 1974, adalah layak untuk membuat permohonan bagi dipertimbangkan untuk lantikan ke jawatan-jawatan Tingkatan II yang kosong dalam Perkhidmatan Tadbir Am, iaitu, sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat yang sedia dibekalkan dalam Sekim Perkhidmatan masing-masing yang membolehkan mereka dipertimbangkan untuk dilantik ke jawatan-jawatan Timbalan Penolong Pengarah Imigeresen atau Penolong Pegawai Pendaftaran atau Timbalan Pegawai Paspot, ikut mana yang berkenaan. Khas bagi tujuan ini satu perbekalan sementara adalah dimasukkan ke dalam Sekim Perkhidmatan Tadbir Am, dan perbekalan-perbekalan yang sama dalam Sekim-sekim Perkhidmatan Pegawai Imigeresen, Pembantu Pendaftaran dan Penolong Pegawai Paspot adalah dihapuskan.”

(b) Sekim Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Tadbir Am di Lampiran “B” dipinda dengan memasukkan satu perbekalan sementara sebagai perenggan 12 dalam kurungan di bawah tajuk “Perbekalan Sementara” seperti berikut—

“[12. Pegawai-pegawai yang berikut, yakni—

(i) Pegawai Imigeresen Tinggi; atau

(ii) Pegawai Imigeresen Kanan; atau

**Perbekalan
Sementara.**

- (iii) Pegawai Imigresen yang telah disahkan dalam jawatannya, telah lulus semua peperiksaan yang ditetapkan dalam Sekim Perkhidmatannya, telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 5 tahun dalam jawatan itu dan mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang setaraf dengannya; atau
- (iv) Pembantu Pendaftaran Tinggi; atau
- (v) Pembantu Pendaftaran Kanan; atau
- (vi) Pembantu Pendaftaran yang telah lulus Peperiksaan Perkhidmatan Kedua dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 5 tahun dalam jawatan itu; atau
- (vii) Penolong Pegawai Paspot Tinggi; atau
- (viii) Penolong Pegawai Paspot Kanan; atau
- (ix) Penolong Pegawai Paspot yang telah disahkan dalam jawatannya, telah lulus semua peperiksaan yang ditetapkan dalam Sekim Perkhidmatannya dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 5 tahun dalam jawatan itu,

adalah layak dipertimbangkan untuk dilantik ke jawatan Tingkatan II yang kosong dalam Perkhidmatan Tadbir Am dengan syarat mereka sudahpun berada di dalam Perkhidmatan Pegawai Imigresen, Perkhidmatan Pembantu Pendaftaran atau Perkhidmatan Penolong Pegawai Paspot pada atau sebelum 1hb Oktober, 1974.]”

DATUK ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14, BANGUNAN U.M.B.C.,
KUALA LUMPUR.
30hb April, 1975.

CATATAN:

- ¹ Dibatalkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1980 mulai 15hb Oktober, 1980.
- ² Pekeliling Perkhidmatan Bil. 25 Tahun 1974 berkaitan dengan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Malaysia dan Perkhidmatan Tadbir Am.